



17 JUN, 2021

## MAFI, FAMA cari jalan selesaikan harga sayur

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

## MAFI, FAMA cari jalan selesaikan harga sayur

**BAYAN LEPAS** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan mengambil langkah tertentu bagi mengatasi isu harga sayur-sayuran yang meningkat sehingga 40 peratus.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, kementerian sudah mendapat maklumat mengenai permasalahan itu dan akan memperhalusinya pada kadar segera.

Menurutnya, kementerian akan menyelesaikan isu tersebut di sepanjang rantaiannya iaitu dari peringkat pengeluar sehingga ke pengguna.

“Kita tidak menafikan di mana-mana pun akan ada masalah ketika pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh ini.

“Kementerian dan FAMA akan mengambil tindakan malah kita ada menyediakan bilik gerakan yang beroperasi penuh melibatkan beberapa pegawai.

“Pegawai bertugas akan memastikan masalah yang dihadapi sepanjang rantaiannya iaitu dari peringkat pengeluar ke pengguna diselesaikan dari masa ke



**Che Abdullah (kiri) berbual dengan dua nelayan di Jeti Nelayan Teluk Kumbar, Pulau Pinang dalam satu lawatan pada Rabu.**

masa,” katanya pada sidang akhbar di Pasar Nelayan Teluk Kumbar di sini pada Rabu.

Mengulas mengenai kenaikan harga sayuran yang dikatakan berpunca daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Cameron Highlands, Che Abdullah berkata, sektor pertanian dikategorikan sebagai perkhidmatan penting dan perlu beroperasi seperti biasa.

“Sektor pertanian boleh berjalan seperti biasa cuma

prosesnya sedikit berbeza kerana pelaksanaan PKP, PKPD dan sebagainya. Prosesnya mungkin ambil masa kerana SOP (prosedur operasi standard) yang ketat.

“Kerajaan terpaksa menegakkan SOP kerana tidak mahu ada pihak yang ambil kesempatan menggunakan alasan untuk tujuan lain.

“Situasi itu yang menyukarkan tetapi dari segi operasi, sektor pertanian memang dibenarkan beroperasi,” katanya.



17 JUN, 2021

## MAFI, FAMA cari jalan selesaikan harga sayur

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

BAYAN LEPAS - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan mengambil langkah tertentu bagi mengatasi isu harga sayur-sayuran yang meningkat sehingga 40 peratus. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, kementerian sudah mendapat maklumat mengenai permasalahan itu dan akan memperhalusinya pada kadar segera. Menurutnya, kementerian akan menyelesaikan isu tersebut di sepanjang rantaiannya iaitu dari peringkat pengeluar sehingga ke pengguna.